

# KOTAMIN TABLET

Chlorpheniramine Maleate 4mg

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan KOTAMIN
2. Bagaimana KOTAMIN berfungsi
3. Sebelum mengambil KOTAMIN
4. Cara menggunakan KOTAMIN
5. Semasa menggunakan KOTAMIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan KOTAMIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan KOTAMIN

KOTAMIN digunakan untuk merawat alahan. Ia melegakan masalah kegatalan, kemerahan, bengkak dan kerengsaan yang dikaitkan dengan penyakit kulit.

KOTAMIN juga boleh melegakan gejala bersin dan gatal-gatal, mata dan hidung berair yang dikaitkan dengan demam alergi.

Hubungi doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengapa ubat ini dipreskip untuk anda. Doktor anda mungkin telah mempreskip ubat ini atas sebab-sebab lain.

## Bagaimana KOTAMIN berfungsi

Nama ubat ini ialah KOTAMIN. Ia mengandungi bahan aktif *chlorpheniramine maleate* yang tergolong di dalam kumpulan ubat jenis antihistamina. Histamina adalah sejenis bahan kimia yang dihasilkan oleh badan semasa tindak balas alahan. Ia menyebabkan gatal-gatal dan keradangan.

KOTAMIN berfungsi dengan menyekat kesan histamina ini, mengurangkan tindak balas alahan dan seterusnya meredakan gejala alahan tersebut.

## Sebelum mengambil KOTAMIN

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini jika:

- Anda alah atau pernah mengalami tindak balas alahan terhadap ubat *chlorpheniramine* atau sebarang bahan kandungannya yang disenaraikan di akhir risalah ini.
- Anda mengambil ubat yang dikenali sebagai '*monoamine oxidase inhibitors*' (MAOIs) (diambil untuk merawat kemurungan).
- Tarikh luput (EXP) dicetak pada pek telah tamat.

- Terdapat tanda-tanda pek pembungkusannya telah dibuka atau ada yang tidak kena mengenainya.

### Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor jika:

- anda alah terhadap ubat KOTAMIN atau sebarang bahan kandungannya yang disenaraikan di akhir risalah ini.
- anda hamil atau merancang untuk hamil.
- anda sedang atau merancang untuk menyusukan bayi.

- anda mempunyai penyakit epilepsi (sawan), glaukoma (penyakit mata yang menyebabkan kerosakan pada saraf optik yang boleh membawa kepada kehilangan penglihatan), kelenjar prostat membesar, kelenjar tiroid terlalu aktif, tekanan darah yang sangat tinggi.

- anda sedang mengambil ubat untuk merawat penyakit keresahan atau ubat yang membantu anda untuk tidur

- anda mengambil sebarang ubat yang mengandungi *phenytoin* untuk penyakit epilepsi
- anda minum alkohol setiap hari.

Jika anda belum memaklumkan doktor anda mengenai perkara tersebut, maklumkannya dengan segera sebelum anda mula mengambil KOTAMIN.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuklah yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat boleh mengganggu keberkesanan KOTAMIN.

Ini termasuklah:

- ubat yang dikenali sebagai '*monoamine oxidase inhibitors*' (MAOIs)
- *phenytoin*, untuk merawat penyakit epilepsi (sawan).

Tindak balas lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin boleh berlaku.

Doktor anda atau ahli farmasi mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika mengambil KOTAMIN.

## Cara menggunakan KOTAMIN

### Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai untuk anda. Ini bergantung kepada keadaan penyakit anda dan sama ada anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain.

Dos dewasa biasa adalah sebiji tablet diambil sehingga empat kali sehari.

Dos kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun adalah 2 hingga

4mg diambil sebanyak tiga atau empat kali sehari.

#### Bila perlu digunakan

Ambil KOTAMIN seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

#### Berapa lama perlu digunakan

Doktor anda mungkin mengarahkan anda untuk mengambil dalam satu jangkamasa yang ditetapkan mengikut keadaan gejala anda.

#### Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda teringat. Dos seterusnya perlu diambil selepas empat atau enam jam, atau sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan gandakan dos anda sekiranya anda terlupa mengambil dos yang sebelumnya.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera melalui panggilan telefon atau kunjungi hospital yang berdekatan jika anda fikir anda atau orang lain telah mengambil KOTAMIN secara berlebihan. Lakukan perkara tersebut walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

#### **Semasa menggunakan KOTAMIN**

##### Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada doktor, jika anda telah hamil ketika mengambil KOTAMIN.

Sebelum mula mengambil ubat-ubatan lain, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil KOTAMIN.

Maklumkan doktor anda jika gejala bertambah buruk. Jangan ambil dos tambahan tanpa kebenaran doktor anda.

##### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri KOTAMIN kepada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.

Jangan guna KOTAMIN untuk merawat penyakit lain kecuali atas arahan doktor anda.

Jangan minum alkohol semasa mengambil ubat ini.

##### Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda merasai kesan KOTAMIN terhadap anda.

KOTAMIN boleh menyebabkan anda rasa mengantuk atau pening.

#### **Kesan-sesan sampingan**

Maklumkan kepada doktor dengan segera jika anda mengalami sebarang masalah ketika mengambil KOTAMIN, walaupun jika anda fikir ia tidak berkaitan dengan ubat ini atau tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Laporkan kepada doktor jika anda mengalami kesan sampingan berikut dan ianya membimbangkan anda.

- sesetengah orang boleh mengalami sakit perut, penglihatan kabur, sakit kepala, sukar untuk membuang air kecil.
- mulut kering, ketakselarasan otot
- sukar memberi tumpuan, rasa lemah, kahak menjadi pekat
- jantung berdenyut pantas atau tidak teratur, sesak dada, telinga berdengung atau rasa pening
- tindak balas alahan terhadap ubat (contohnya ruam, gatal-gatal), telinga berdengung, masalah darah, cepat marah atau mengalami mimpi buruk ada kalanya boleh berlaku

Kesan-sesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin boleh terjadi. Laporkan kepada doktor jika anda mengalami

sebarang kesan sampingan yang membuatkan anda berasa tidak sihat.

Jangan berasa cemas dengan kesan-kesan sampingan yang disenaraikan. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan KOTAMIN**

##### Penyimpanan

Simpan ubat tablet anda di dalam pek asal sehingga tiba masa untuk menggunakan.

Jika anda mengeluarkan KOTAMIN tablet daripada pek asalnya, ia tidak tersimpan dengan sempurna.

Simpan ubat anda di tempat kering dan sejuk pada suhu bawah 25°C.

Jangan menyimpan KOTAMIN di dalam bilik air atau berdekatan sinki. Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau di tepi tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

**Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Tarikh kemaskini RIMUP**

02/12/2014

**Nombor Siri**

BPK(R4/1)021214/00066

**Maklumat lanjut**

**Rupa dan warna produk**

Klinik Swasta: Tablet kuning bulat, diameter 7mm, dengan tanda ‘d’ dan ‘d’ pada permukaannya.

Hospital kerajaan: Tablet kuning bulat, diameter 7 mm, dengan tanda ‘KKM / DUO’ dan ‘d’ pada permukaannya.

**Bahan-bahan kandungan**

**Bahan aktif:**

- *Chlorpheniramine Maleate*

**Bahan tidak aktif:**

- *Aerosil*
- *Tepung jagung*
- *Laktosa*
- *Promigel*
- *Pewarna kuning*
- *Magnesium stearate*

**Nombor MAL**

MAL19890023A

**Pengilang**

DUOPHARMA (M) SDN. BHD.  
(42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

DUOPHARMA (M) SDN. BHD.  
(42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.